

# PANDEMIK COVID-19 DAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DI MALAYSIA

**Rencana: Komplilasi Dari Petikan Sumber Berita Atas Talian Tahun 2020**

Mohammad Alyas Bin Zainal Abidin & Roslinah Mahmud  
Ekonomi Sumber Manusia  
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

## PANDEMIK COVID-19

Pelbagai isu dan cabaran biasa dihadapi dalam kehidupan seharian sama ada dari segi sosial, ekonomi dan juga psikologi manusia. Setiap negara juga mempunyai perjalanan dan cerita tersendiri dalam menghadapi cabaran-cabaran yang melanda. Satu cabaran baharu yang amat membinbangkan dan menyedarkan seluruh dunia serta memaksa setiap negara berusaha gigih mengekangnya adalah Pandemik Covid-19. Datangnya umpama tsunami besar yang menghempas di seluruh negara.

Wabak Covid-19 yang mula dikesan pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, China dan diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada 11 Mac 2020 telah menyerang bukan setakat negara Malaysia tetapi juga seluruh dunia sehingga memberi kesan yang buruk kepada ekonomi negara.



*Rajah 1: Ilustrasi mikroskopik penyebaran virus Covid-19 di Wuhan, China  
(Sumber: BH Online, 17 Mac 2020)*

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>

Menurut BHOonline (17 Mac 2020) “Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) terima laporan tiga kes ( dua di Sabah dan satu di Selangor) disyaki dijangkiti coronavirus 2019 (2019-nCoV)” menjadikan kes pertama yang dilaporkan di Malaysia pada 23 Januari 2020 menandakan bermulanya penyebaran wabak tersebut di Malaysia.

Pada 13 Mac 2020 Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari bagi mencegah penyebaran wabak ini secara berperingkat. Pada waktu tersebut hanya beberapa perniagaan yang dibenarkan untuk beroperasi seperti kedai yang membekalkan peralatan dan keperluan harian dan perkhidmatan awam seperti hospital. Walaupun hampir semua perniagaan tidak dapat beroperasi namun masalah kewangan sebuah perniagaan pada awalnya tidak berapa terjejas.



*Rajah 2: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan 18 Mac 2020 (BH Online, 17 Mac 2020)*

Namun Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengeluarkan kenyataan bahawa pandemik Covid-19 adalah wabak yang sukar dan tidak diketahui bila akan pulih 100 peratus, seluruh dunia terpaksa mengadaptasi dan membiasakan diri dengan norma baharu. Ini bermakna banyak kaedah yang diperkenalkan oleh kerajaan yang harus dipatuhi demi membanteras penyebaran pandemik Covid-19 ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/>

Walaupun tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah berakhir namun kesan pandemik Covid-19 ini masih memberi impak yang besar terhadap ekonomi negara. Perusahaan terpaksa menukar corak dan strategi perniagaan contohnya seperti bekerja dari rumah, bekerja atas talian, menghadkan bilangan pekerja untuk bekerja di tempat kerja pada satu masa dan sebagainya. Tidak dinafikan bukan semua pengusaha mampu dan dapat mengadaptasi perniagaan mereka mengikut norma baharu. Pandemik Covid-19 telah memberi pengaruh yang besar dalam perubahan corak perniagaan dan hasil pendapatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).


## **PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)**

Menurut SME Corp. Malaysia (2020) sebuah perniagaan akan diklasifikasikan sebagai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) jika memenuhi kesemua syarat yang berkaitan iaitu kriteria kelayakan, jenis penubuhan dan struktur pemegang saham. Selain itu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) hendaklah merupakan satu entiti perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan-badan yang sama taraf dengannya seperti badan profesional atau pejabat daerah di Malaysia Timur.

Jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa adalah dua kriteria yang digunakan. Bagi sektor pembuatan, jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang. Sektor perkhidmatan dan sektor lain, jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terbahagi kepada tiga kategori iaitu mikro, kecil dan sederhana:

Rajah 3: Kategori PKS



Sumber: SME Corp. Malaysia (2020)

<https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2020-02-11-08-01-24/sme-definition>

Ketika ini, negara mempunyai sebanyak 907,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata sumbangan perusahaan kecil dan sederhana pada tahun 2019 mencatatkan 38 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (MyMetro, 22 Mac 2019). beliau juga mendasarkan kenaikan sebanyak 41 peratus sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada ekonomi negara pada tahun 2020.




Rajah 4: PKS bangkit paling cepat daripada impak Covid-19 (Kosmo, 3 Ogos 2020)

<https://www.kosmo.com.my/2020/08/03/pks-bangkit-paling-cepat-daripada-impak-covid-19/>

Namun menurut Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Rizal Nainy, kira-kira 73 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara Malaysia akan merekodkan kerugian pada tahun 2020. Walaupun beliau percaya sebahagian besar daripada mereka daripada sektor runcit, kesihatan dan tekstil berkemampuan untuk pulih dalam tempoh kurang setahun. Ini tidak dapat dipastikan dengan meningkatnya penyebaran pandemik Covid-19.

## CABARAN COVID-19 KEPADA PKS



Rajah 5: “Struggle of Malaysian SMEs During the COVID-19 Pandemic” (KSI strategic Institute for Asia Pasific, 30 April 2020)

<https://kasi.asia/wp-content/uploads/2020/05/KSI-Policy-Brief-Struggle-of-Malaysian-SMEs-During-the-COVID-19-Pandemic.pdf>

Menurut artikel “Struggle of Malaysian SMEs During the COVID-19 Pandemic” penulis Voon Zhen Yi ; penerbit KSI strategic Institute for Asia Pasific (30 April 2020) cabaran yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana berbeza mengikut kategori. Contohnya, dari segi masa untuk pulih golongan pengusaha sederhana lebih cepat pulih berbanding golongan pengusaha mikro kerana pengusaha sederhana mempunyai simpanan yang lebih besar berbanding pengusaha mikro. Selain itu, komitmen kewangan dari segi gaji pekerja dan sewa perlu ditanggung oleh golongan pengusaha mikro yang mempunyai simpanan sedikit berbanding pengusaha sederhana juga merupakan cabaran berbeza yang perlu dihadapi.

Tambahan pula, terdapat beberapa cabaran lain yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti Kelewatan dan penolakan oleh bank dalam mendapatkan pinjaman, Program Subsidi Upah menghadkan pilihan untuk beberapa perniagaan, pengecualian perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang tidak berdaftar, e-dagang mempunyai kesan yang berbeza pada pelbagai jenis perusahaan kecil dan sederhana (PKS), jurang dasar yang disediakan oleh kerajaan mempengaruhi proses e-dagang dan pengurusan penghutang.

Prosuder bank memerlukan garis panduan Kenal Pelanggan Anda (KPA) yang menggunakan kaedah pemarkahan tradisional menyebabkan jangka masa pemprosesan lebih lama. Penantian lama adalah faktor mengapa bank lebih suka berurusan dengan pelanggan mereka yang sedia ada kerana mereka dapat disetujui dengan lebih cepat. Ini memberi masalah kepada perusahaan kecil dan sederhana untuk medapatkan Kemudahan Bantuan Khas (KBK).

Beberapa perniagaan ingin mempertahankan pilihan untuk mengecilkan atau mengkaji gaji untuk mengoptimimumkan tenaga kerja mereka sekiranya sumber kewangan perniagaan habis.

Program Subsidi Upah (PSU) yang diperkenalkan di PRIHATIN dan dikendalikan oleh Organisasi Jaminan Sosial (SOCSO) mempunyai syarat-syarat yang memerlukan perniagaan mengekalkan kakitangan sekurang-kurangnya enam bulan dan gaji tidak dikurangkan. Oleh itu, beberapa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tidak layak untuk mendapat faedah Program Subsidi Upah (PSU).

Akses ke SOCSO dan akses kepada pemberian wang tunai yang disediakan oleh kerajaan seperti PRIHATIN serta program Bantuan Sara Hidup tidak dapat disalurkan kepada sebahagian perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana mereka tiada fail cukai perniagaan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan gagal mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, perniagaan tidak formal sukar untuk dikesan sehingga memberi kesukaran kepada kerajaan untuk memberi bantuan.

Setiap perusahaan kecil dan sederhana mempunyai masalah yang berbeza dalam pendekatan menggunakan e-dagang. Jangka masa yang perlu diambil, kos untuk beralih kepada e-dagang dan sumber rujukan yang tepat untuk mengenali e-dagang merupakan faktor yang perlu ditanggung oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sekiranya beralih perniagaan kepada e-dagang. Selain itu, tidak semua jenis perniagaan mampu meningkatkan nilai pendapatan menggunakan e-dagang.

Oleh kerana kesan pandemik Covid-19 yang tidak dijangka sehingga tahap ini, syarikat yang menguruskan piutang tidak bersedia dan mengalami kesukaran untuk mengumpul pembayaran dari pelanggan. Sementara masih perlu menanggung kos lain seperti membayar pembekal, gaji pekerja dan sewa tapak. Mereka akan terperangkap dalam satu kitaran dan tidak dapat untuk membentuk modal kerja tambahan. Kesan yang besar akan berlaku kepada hasil pendapatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

## PERANAN KERAJAAN



Rajah 6: Manfaat Tambahan Kepada PKS (BH Online, 7 April 2020)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673996/kerajaan-pastikan-pks-dapat-semua-manfaat>

Menurut Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada tahun 2019 perusahaan kecil dan sederhana merupakan 2 per 3 atau 70 peratus penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh itu, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan perlu membuka ruang dan memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kontraknya kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) ini secara tidak langsung dapat membantu serba sedikit kepada pengusaha kecil dan sederhana bagi memulihkan kembali krisis kewangan yang mereka hadapi.

Pakej Rasangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) serta pakej tambahan PKS sebanyak RM10 bilion yang disediakan kerajaan sangat dialu-alukan serta harus diteruskan dan membuat penambahbaikan dari segi jumlah bantuan serta memastikan bantuan tersebut sampai kepada golongan yang layak. Mendigitalkan proses-proses ini akan membolehkan ketelusan yang lebih besar dalam mengesan kelayakan pemohon.



Rajah 7: Penemuan Utama Ekonomi Digital Malaysia (Ekonomi Digital Malaysia, 2018)  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (16 Oktober 2019)

<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=OjJjemR0dFB3RDY3bmNDKzduMlpKdz09>

Selain itu, kerajaan boleh memperkenalkan atau mewujudkan kelas pendekatan kepada digital dan kelas yang berkaitan pemulihan dalam perniagaan. Dengan isu sekarang ini pandemik Covid-19 yang memberi kesan terhadap corak pembelian pelanggan yang lebih kepada atas talian, adalah baik untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mula memasuki pasaran e-dagang. Namun mereka memerlukan panduan yang betul dan dipercayai untuk

mempelajarinya. Ini adalah satu inisiatif yang baik kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sekiranya kerajaan dapat mengambil bahagian untuk membantu usahawan.



Kerajaan perlu mengurangkan proses birokrasi seperti penangguhan 6 bulan KWSP yang memerlukan persetujuan jawatankuasa khas. Penangguhan menyeluruh tanpa mengira saiz perniagaan harus diberikan untuk memberi penjimatan kepada perniagaan dari segi modal kerja, menjimatkan masa dan penggunaan sumber daya terhad.

*Rajah 8: Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP)  
Sumber: Berita Harian (4 November 2020)*

<https://www.sinarharian.com.my/article/113739/BERITA/Nasional/Tiada-perubahan-kriteria-i-Sinar-buat-masa-ini-KWSP>

Seperkara lagi, kerajaan harus mengambil peranan proaktif untuk meyakinkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mendaftarkan perniagaan mereka. Kerajaan harus menubuhkan unit khusus untuk memberi bantuan langkah demi langkah dan memberikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masa untuk pengecualian yuran dan cukai.

Oleh kerana perusahaan kecil dan sederhana dibebani dengan kos dalam perlesenan, percukaian dan komplikasi pentadbiran, penegakan serta hukuman sesuai perlu dikaji dan dikeluarkan bagi perniagaan yang beroperasi tanpa lesen dan pendaftaran. Pematuhan sepenuhnya akan membolehkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menikmati manfaat perlindungan sosial yang disediakan oleh kerajaan.

### **PERANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)**

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu melihat semula modal perniagaan selari dan relevan. Termasuklah mengambil kira bajet baharu pelanggan terhadap tawaran produk serta perubahan tabiat pelanggan sebelum, ketika dan selepas pandemik Covid-19. perusahaan perlu meneroka pasaran baru, segmen pelanggan baru, memperkenalkan produk baru, merancang semula saiz pembungkusan, dan kuantiti yang sesuai dan relevan untuk pasaran baru serta menentukan apa yang pengguna inginkan.

Selain itu, usahawan juga perlu bijak mencari pendekatan dan berubah kearah teknologi baru, digitalisasi, dan perniagaan atas talian bagi mengurangkan kos, menjimatkan masa dan sumber daya (Kergroach, 2020) selain merebut peluang latihan serta tawaran-tawaran yang diumumkan agensi-agensi berkaitan termasuk Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan SME Corp kerana ini akan membantu pengusaha untuk lebih mudah mengenali dan memahami teknologi perniagaan e-dagang..

Tambahan pula, usahawan perlu peka terhadap pengumuman kerajaan yang dibuat dari semasa ke semasa terutama dari MITI yang berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta mengambil peluang melalui bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan kerana bantuan tersebut mampu meringankan dan membantu usahawan dalam masalah perniagaan. Seterusnya, usahawan juga boleh cuba bergabung untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Ia sekali gus dapat meningkatkan hasil atau pendapatan syarikat ke arah lebih kukuh.

Disamping itu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu melihat penyelesaian dalam dimensi berbeza dan mencontohi strategi model perniagaan syarikat yang mampu berdaya saing ketika ini meskipun berhadapan dengan krisis sama (Covid-19). Sehubungan dengan itu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlulah mengadaptasi perniagaan mereka dengan keadaan semasa bagi memastikan kadar pendapatan syarikat tidak terjejas.

## **KESIMPULAN**

Kehadiran tetamu tidak diundang malah lut dari penglihatan persekitaran manusia bernama Covid-19 ini bukan sahaja membawa kejutan besar kepada kehidupan sejagat tetapi secara total juga menerap ke segenap aspek kehidupan. Aspek sosial, ekonomi dan psikologi juga tidak terkecuali daripada terpaksa berdepan dengan bahana serangan Covid-19 ini. Secara keseluruhannya, pelbagai rencana secara cetak dan atas talian banyak menulis mengenai kesan Covid-19 dan cabarannya. Kompilasi ini memfokus kepada kepada kesan Covid-19 kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia.

Kompilasi ini dimulakan dengan cerita berkenaan situasi semasa Covid-19 di Malaysia pada tahun 2020 sehingga terpaksa pemerintah kawalan pergerakan dilakukan bagi mengurangkan risiko jangkitan. Titik tolak ini telah menyebabkan keseluruhan operasi terpaksa ditutup termasuk PKS. Ini juga telah menyebabkan PKS berdepan dengan risiko kerugian akibat penutupan permis, pengurangan operasi, kos yang terpaksa ditanggung dan sebagainya. Namun, ramai yang berpendapat PKS di Malaysia masih mampu bertahan dengan cabaran ini.

Kemampuan PKS di Malaysia untuk bertahan adalah hasil kerjasama pihak kerajaan dan PKS sendiri untuk mencari penyelesaian terbaik akibat kesan Covid-19 ini. Tidak dapat dinafikan Kerjasama kedua pihak ini dapat memastikan kelangsungan operasi PKS di Malaysia. Bantuan seperti Pakej Rasangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), promosi digital dan usaha-usaha dari badan berkaitan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), SME Corp, LHDN dan KWSP dapat mengurangkan risiko gulung tikar kepada PKS di Malaysia. Walau apapun cabarannya PKS di Malaysia masih mempunyai harapan yang besar untuk maju dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

## **RUJUKAN**

Benama (20 Mac 2021). Kerjasama antara PKS penting untuk tingkat ekonomi, kata Redzuan. Dari <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/03/20/kerjasama-antara-pks-penting-untuk-tingkat-ekonomi-kata-redzuan/>

BH Online (17 Mac 2020). Kronologi COVID-19 di Malaysia. Diakses pada 20 Oktober 2020. Dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>

BH Online (7 April 2020) Kerajaan pastikan PKS dapat semua manfaat. Diakses pada 22 Oktober 2020. Dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673996/kerajaan-pastikan-pks-dapat-semua-manfaat>

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin (16 oktober 2020) Penemuan Utama Ekonomi Digital Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia. Diakses pada 22 Oktober 2020. Dari <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=QjJjemR0dFB3RDY3bmNDKzduMlpKdz09>

Haikal Raman (28 April 2020) Langkah pemulihan PKS pasca pandemik COVID-19. Astro awani. Diakses pada 22 Oktober 2020. Dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/langkah-pemulihan-pks-pasca-pandemik-covid19-240620>



<https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2020-02-11-08-01-24/sme-definition>

Malaysia kini news and views that matter (25 April 2020) Kerajaan pastikan PKS mampu bertahan. Bernama. Diakses pada 22 Oktober 2020. Dari <https://www.malaysiakini.com/news/522583>

Mohd. Ridzuan Abu Hasan (2 Jun 2020). SinarHarian. Semak kelulusan permohonan GKP mulai esok. Dari <https://www.sinarharian.com.my/article/85959/BERITA/Nasional/Semak-kelulusan-permohonan-GKP-mulai-esok>

My Metro (22 Mac 2019). PKS sumbang 41 peratus KDNK 2020. Diakses pada 21 Oktober 2020. Dari <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/03/436444/pks-sumbang-41-peratus-kdnk-2020>

Rafidah Mat Ruzki (4 November 2020). BH Online. Kerajaan sedia kaji saranan pengeluaran Akaun 1 KWSP. Dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/749908/kerajaan-sedia-kaji-saranan-pengeluaran-akaun-1-kwsp>

Siaran Akhbar Ekonomi Digital Malaysia 2018. Jabatan Perangkaan Malaysia (16 Oktober 2019). Dari <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=QjJjemR0dFB3RDY3bmNDKzduMlpKdz09>

SME Corp. Malaysia (2019) Garis Panduan Bagi Definisi PKS. Diakses pada 20 Oktober 2020. Dari [https://www.smecorp.gov.my/images/garis panduan/2020/Garis\\_Panduan\\_Definisi\\_PKS\\_dikemaskini\\_Sept2020.pdf](https://www.smecorp.gov.my/images/garis panduan/2020/Garis_Panduan_Definisi_PKS_dikemaskini_Sept2020.pdf)

SMECorp. Malaysia (2020) Definisi PKS. Diakses pada 21 Oktober 2020. Dari <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2020-02-11-08-01-24/sme-definition>

SMECorp. Malaysia (2020). PKS bangkit paling cepat daripada impak Covid-19. Diakses pada 21 Oktober 2020. Dari <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/news/4182-pks-bangkit-paling-cepat-daripada-impak-covid-20>

Voon Zhen Yi (2020). Struggle of Malaysian SMEs During the COVID-19 Pandemic Findings from Webinar: SMEs Beyond the MCO – Lessons from the PRIHATIN Stimulus. Strategic Institute for Asia Pasific (KSI). Dari <https://kasi.asia/wp-content/uploads/2020/05/KSI-Policy-Brief-Struggle-of-Malaysian-SMEs-During-the-COVID-19-Pandemic.pdf>

Dan sumber-sumber atas talian lain yang berkaitan